



MBM Dalam Perniagaan visi baharu Mua'amar Ghadafi

Pertingkatkan latihan kepemimpinan, kemahiran bantu belia aktif aktiviti sukarela

Mengambil alih kepemimpinan Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi penggal (2014 - 2016) mulai 18 Januari lalu, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin, 36, bukanlah satu nama asing dalam pertubuhan belia di negara ini. Memangku sejumlah 38 pertubuhan belia yang mewakili suara majoriti 13 juta belia di negara ini, cabaran yang cukup besar menanti pemimpin muda berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM). Ikuti temubual wartawan BH, FAIRUZ ZAIDAN dan AZRUL AFFANDI SOBRY yang cuba mendapatkan hala tuju MBM dalam berdepan cabaran dunia tanpa sempadan, selain persediaan MBM dalam melahirkan kepemimpinan muda berusia 15 hingga 30 tahun seperti menyokong Dasar Belia Negara 2018.

Wartawan: Selepas kira-kira sebulan menerajui MBM, apakah perasaan anda di sebalik tanggungjawab yang diamanahkan?

Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin: Secara ikhlas, memang saya teruja pada peringkat awal kerana tanggungjawab ini adalah sebahagian daripada kesinambungan kepemimpinan. Saya akui ia bukan satu tanggungjawab mudah kerana MBM sendiri memayungi sejumlah besar persatuan belia di Malaysia. Begitupun, hasil konsensus badan gabungan dan EXCO, saya bersetuju atas semangat kepemimpinan yang baharu dan berikrar untuk membawa MBM melangkah lebih maju ke depan.

S: Mengikut rekod sebelum ini, tidak dinafikan bukan calang-calang pemimpin pernah menerajui MBM hingga berupaya menjadikan ia sebagai badan belia terbesar dan kuat. Adakah pencapaian cemerlang itu sedikit memberikan tekanan kepada anda?

J: Apabila kita berpersatuan dan menyertai sebuah pertubuhan, elemen paling penting adalah kerjasama semua. Setiap ahli setiap EXCO itu perlu mendalami nyala rasa dan inti pati sesebuah persatuan. Kerjasama antara pemimpin dan pengikut itu perlu seiring. Secara peribadi, tekanan itu memang ada, tetapi seperti yang saya katakan tadi, dengan kerjasama semua pihak tidak kira exco dan ahli gabungan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan, pekerjaan, bangsa dan agama akan dapat membantu memperkasakan lagi MBM.

S: Apakah misi dan visi yang cuba anda perjuangkan sepanjang menerajui MBM bagi tempoh 2014 hingga 2016?

J: Sebaik mengetahui barisan kepemimpinan baharu MBM, saya sudah menggariskan gerak kerja baharu termasuk melancarkan Majlis Belia Malaysia Dalam Perniagaan (MBM in Business). Kita juga melancarkan aplikasi mobil memandangkan lebih 80 peratus anak muda hari ini menggunakan telefon pintar. Dengan adanya aplikasi ini, anak muda boleh mendaftar keahlian secara online, selain mendaftar sebagai sukarelawan dalam program MBM.

S: Bagaimana menjadikan MBM sebagai sebuah pertubuhan yang benar-benar memperjuangkan golongan belia tanpa dibayangi elemen politik?

J: Memang sejak dahulu, MBM tidak dibayangi politik. Malah, perjuangan kita juga bersifat melangkaui politik. Sebagai contoh, MBM dapat membincangkan sesuatu isu

secara intelektual dan sensitif yang mungkin disifatkan agak tabu. Setiap perbincangan akan diseimbangkan untuk semua golongan, pada masa sama mempertahankan Perlembagaan negara.

S: Boleh dikatakan sejak empat lima tahun kebelakangan ini MBM dilihat agak perlahan dan kurang menonjol. Bagaimana barisan kepemimpinan baharu ingin cuba untuk membawa satu aras baharu untuk MBM, seterusnya dilihat lebih agresif mewakili belia?

J: Sebenarnya saya kurang bersetuju dengan pendapat menyatakan yang MBM tidak agresif kerana MBM begitu aktif memperjuangkan isu belia seperti mana isu perumahan. Isu belia berkemahiran juga turut diperjuangkan sebelum ini sehingga berjaya melahirkan belia berkemahiran. MBM turut melahirkan ramai sukarelawan termasuk bagi membantu mangsa banjir besar di negeri Pantai Timur Semenanjung. MBM antara pertubuhan pertama yang memberikan khidmat sukarelawan. Dengan 10,000 sukarelawan yang ada, kita mempunyai struktur mantap pada peringkat kebangsaan, peringkat negeri, daerah dan cawangan.

S: Bersetuju andai dikatakan yang aktiviti MBM kurang ditonjolkan sehingga tidak mendapat publisiti?

J: Itu saya bersetuju. Mungkin soal publisiti boleh kita perbaiki. Dengan kepemimpinan baharu, kita juga bercadang untuk mewujudkan radio yang dikenali sebagai ur-banyouthfm. Kita juga bakal melancarkan siaran televisyen internet sendiri pada suku pertama tahun ini. Dengan kemudahan ini ia akan lebih dekat kepada golongan muda selain media arus perdana. Sebagaimana Dasar Belia Negara 2018 yang menetapkan kelompok belia terdiri daripada 15 hingga 30 tahun berbanding sekarang ini 15 tahun hingga 40 tahun, kita akan menggerakkan latihan kepemimpinan di seluruh negara untuk melahirkan sekurang-kurangnya 300 pemimpin belia berkaliber yang dapat diketengahkan pada masa depan.

S: Apakah pandangan MBM apabila Dasar Belia Negara 2018 meletakkan belia dalam kelompok 15 hingga 30 tahun?

J: Ada beberapa perbincangan sudah dibuat melalui banyak medium. Antaranya perjumpaan bersama Ahli Dewan Tertinggi MBM, Majlis EXCO MBM bersama Kementerian Belia dan Sukan. Ada banyak pro dan kontra diperbincangkan dan akhirnya kita bersetuju dengan pelaksanaan Dasar Belia Negara untuk menurunkan had usia belia daripada 15 tahun hingga 40 tahun kepada 15 tahun hingga 30 tahun dengan syarat kita diberi masa melatih barisan kepemimpinan baharu. Ini bagi memastikan barisan



Projek ternakan puyuh meningkatkan sumber pendapatan belia. [FOTO WAN KEMAT/BH]



Sukarelawan belia bergotong-royong membersihkan kaki lima Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Puteh, Kemaman yang ditenggelami banjir, baru-baru ini. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

FAKTA NOMBOR

38 pertubuhan

Belia di seluruh negara



Pelbagai acara pada Festival Belia Putrajaya yang menarik penyertaan generasi muda.

kepemimpinan belia akan datang mampu mewarisi kepemimpinan MBM, seterusnya mendokong Dasar Belia Negara pada 2018.

S: Sudah bersediakah belia kita untuk memimpin pertubuhan besar seperti MBM. Selain itu ramaikah belia yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai seorang pemimpin?

J: Potensi ada pada semua belia. Cumanya bagaimana kita hendak keluarkan potensi itu. Apa yang penting adalah peluang. Peluang itu harus diberikan kepada golongan muda. Jika tidak diberi peluang mereka tidak mendapat pengalaman dan menonjolkan kebolehan mereka. Barisan kepemimpinan MBM sentiasa membuka

ruang dan peluang seluas-luasnya kepada orang muda yang ada untuk mengeluarkan bakat dan kepemimpinan mereka.

S: Bagaimana untuk seorang anak muda menyertai MBM?

J: Kita mempunyai sebanyak 38 pertubuhan belia di seluruh negara yang merangkumi pertubuhan merentasi sosial, agama dan kaum. MBM juga menumpukan kepada pendaftaran secara online yang dijangka dimulakan pada suku pertama tahun ini, seterusnya menyasarkan sehingga sejuta keahlian pada tahun ini, termasuk yang ingin menjadi sukarelawan.

S: Bagaimana dengan sokongan dana

bagi melicinkan aktiviti MBM?

J: Kita bersyukur kerana sentiasa mendapat sokongan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selain dana daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan agensi swasta yang membantu melancarkan aktiviti direncanakan MBM. Ada juga pembiayaan membabitkan dana sendiri seperti kewujudan stesen radio yang sudah dua tahun beroperasi. Apa yang lebih penting ketika ini ialah untuk mendekati belia menerusi jaringan media sosial.

S: Apakah strategi MBM untuk mendekati golongan belia bermasalah?

J: Strategi yang kita buat bagi mendekati golongan ini ialah dengan penerapan program satu belia satu kemahiran. MBM sendiri tidak melabelkan mereka sebagai belia bermasalah, sebaliknya belia keciciran dalam arus perdana pendidikan. Justeru, kita cuba mendekati mereka ini dengan memberi latihan kemahiran di kolej kemahiran yang dibiayai Kementerian Sumber Manusia. Buktinya, lebih 70 peratus belia berkemahiran yang memperoleh sijil tahap 1, 2 dan 3 mendapat pekerjaan atau mampu memulakan perniagaan selepas mengikuti program satu belia satu kemahiran.

S: MBM tidak dapat lari daripada sambutan Hari Belia Negara setiap tahun. Bagaimana perancangan MBM untuk acara tahun ini?

J: Walaupun Perdana Menteri, baru-baru ini membuat pelarasan semula bajet, kita percaya perjalanan Festival Belia Putrajaya yang dijangkakan pada 22 hingga 24 Mei akan tetap dijalankan. MBM akan bekerjasama penuh dengan KBS dan kerajaan untuk memastikan perjalanan festival ini. Malah, dengan Malaysia sebagai tuan rumah ASEAN, kita mencadangkan Festival Belia Putrajaya turut disertai belia dari ASEAN dan seluruh dunia.



Parlimen Belia antara melatih kepemimpinan generasi baharu. [GAMBAR HIASAN]



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

我今天回家乡

wǒ jīn tiān huí jiā xiāng
SAYA BALIK KAMPUNG HARI INI



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel: 603 - 41442788
Faks: 603 - 41443098
Laman Web: www.hccm.com.my/ms
E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 48

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

- 1 Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci carian ZOOM BH
- 2 Imbas keseluruhan kotak merah
- 3 晚上好 (Good Evening) Video dimainkan



1300 22 6787
www.bharian.com.my

